

KDNK dijangka tumbuh 8 peratus

BH 30 MAY 2000

Oleh Saidon Idris

EKONOMI Malaysia diramalkan kembali mencatat kadar pertumbuhan seperti sebelum krisis tahun ini, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dianggarkan tumbuh sekitar 7.5 peratus hingga 8 peratus.

Timbalan Ketua Pengarah (Ekonomi) Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS), Datuk Dr Zainal Aznam berkata, setelah mencatat pertumbuhan 11.7 peratus dalam tempoh suku tahunan pertama, KDNK Malaysia bagi tempoh suku tahunan kedua dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka melebihi 10 peratus.

Beliau berkata, bagi seluruh tempoh separuh kedua pula,

KDNK dijangka tumbuh lebih perlahan antara 9 hingga 10 peratus bagi tempoh separuh kedua.

“Berdasarkan angka itu, kadar pertumbuhan bagi seluruh tahun ini akan jauh melebihi unjuran konservatif Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak 5.4 peratus.”

“Saya yakin ia akan berada sekitar 7.5 peratus hingga 8 peratus,” katanya pada sidang akhbar selepas menjadi ahli panel dalam sesi perbincangan bertajuk Panorama Politik dan Ekonomi pada Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Ke-5 di Kuala Lumpur semalam.

Persidangan itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zainal menambah, bagi tahun depart, KDNK Malaysia dijangka berkembang sekitar 7 peratus.

Katanya, beliau yakin kadar pertumbuhan itu mampu dicapai walaupun berlaku kelembapan dalam ekonomi Amerika Syarikat (AS).

“Sebelum ini pun ekonomi AS pernah mengalami kelemahan, tetapi kesannya pada ekonomi kita adalah minimum,” katanya sambil menegaskan bahawa eksport Malaysia kini adalah lebih meluas dan tidak hanya tertumpu kepada pasaran tertentu.

Ekonomi AS sejak beberapa tahun kebelakangan menikmati kadar pertumbuhan yang begitu tinggi dengan purata 4.3 peratus dalam tempoh antara 1997

hingga 1999, iaitu pertumbuhan tiga tahun berturut-turut tertinggi pernah dicatatnya selepas tahun 1960-an.

Berikutan itu pembuat polisi AS mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan kemeruwapan ekonominya. Ini termasuk menaikkan kadar faedah bagi mengurangkan perbelanjaan.

Ahli ekonomi bagaimanapun meramalkan langkah itu mungkin menjejaskan eksport dari negara Asia yang menjadikan AS sebagai pasaran utama eksport mereka.

Mengenai sama ada kadar pertumbuhan tinggi yang dijangka dicatat Malaysia itu mungkin memberi ruang kepada kenaikan dalam kadar fae-

dah Zainal berkata, beliau menjangkakan ia akan kekal pada tahap sekarang sehingga pemulihan ekonomi benar-benar kukuh.

“Kita perlu melihat dulu apa yang akan berlaku tahun depan. Pada masa ini saya rasa ia (kadar faedah) kekal pada tahap sekarang,” katanya.

Beliau menambah, pertumbuhan pinjaman juga masa ini adalah rendah dan belum mencah 1.0 peratus.